

SIARAN MEDIA

KPKT SALUR RM4.05 JUTA PERUNTUKAN BAGI MENAIK TARAF KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR DEMI KESEJAHTERAAN PENDUDUK REMBAU

REMAU, 3 November 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu lawatan kerja sempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Rembau, Negeri Sembilan pada pagi ini.

YB Akmal telah turun padang melawat kemudahan dan infrastruktur awam termasuk sistem pencahayaan Stadium Mini Rembau, Medan Selera Sri Kendong, Pasar Malam Pekan Rembau dan turut meninjau status pembinaan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Rembau.

Dalam majlis sama, beliau telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM1 juta** melibatkan projek pencahayaan dan lampu jalan solar LED. Sehingga kini, Majlis Daerah Rembau (MDR) telah menerima peruntukan sebanyak RM3.05 juta meliputi RM2.15 juta peruntukan di bawah BP.1 (43 projek), RM400 ribu bagi menaik taraf tiga (3) projek sistem perparitan dan longkang dan RM500 ribu bagi pembinaan baharu 25 unit MyKiosk. Ini menjadikan jumlah peruntukan yang diterima Majlis Daerah Rembau (MDR) bagi tahun 2023 adalah sebanyak **RM4.05 juta**.

Secara keseluruhan **sehingga Oktober 2023**, sejumlah **RM45.11** peruntukan BP.1 dan inisiatif belanjawan telah disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur, sosio ekonomi dan kemudahan awam seperti pembaikan cerun, parit, longkang, kolam takungan dan pembinaan MyKiosk di Negeri Sembilan.

Menurut YB Akmal, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk Rembau terus terpelihara. Keseluruhan peruntukan ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan

pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Dalam sesi walkabout tersebut, YB Timbalan Menteri KPKT turut meninjau status kemajuan penyiapan 452 unit rumah teres satu (1) tingkat dan kerja-kerja berkaitan bagi projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Rembau, Mukim Chembong, Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Projek ini yang dijadualkan siap pada September 2022 mengalami kelewatan disebabkan isu kelewatan penyerahan pencawang *TNB Substation* kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

Tambah beliau, “KPKT sentiasa komited menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara. Pemantauan secara berterusan (*Resolve*) oleh pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai merupakan salah satu usaha daripada empat (4) elemen utama *Terms of Reference* (TOR) penubuhan pasukan ini. Justeru, lawatan ke tapak projek merupakan salah satu kaedah pemantauan taskforce projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai.”

KPKT akan terus memfokuskan kepada pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

